

buletin salam

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

Bil : 9 / 2025
no. ISSN 1985 7624



SEPTEMBER
2025



FENOMENA
BLOOD MOON



© 2025 Hak Cipta Terpelihara
Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan,
ulangkan, disimpan dalam sistem dapat kembali atau
disiarkan dalam apa-apa jua perkara samada secara
elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain
sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarang.

PENASIHAT
Puan Nuzulnisa binti Barudin @ Kamarudin

KETUA PENGARANG
Encik Muhammad Fazlizan bin Abd Ghani

PENOLONG KETUA PENGARANG
Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar
Puan Nur Fatimah binti Amran

SIDANG PENGARANG
Sidang Redaksi Salam

GRAFIK
Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar
Encik Mazli bin Che Mamat

FOTOGRAFI
Unit Media PPAT

PENERBIT
Sidang Redaksi SALAM
Perbadanan Perpustakaan Awam
Terengganu

SIDANG REDAKSI SALAM

HIGH PERFORMANCE SPIRITUAL TEAM BONDING

10 - 12 September 2025, Tok Aman Bali Beach Resort, Kelantan – Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah menganjurkan program High Performance Spiritual Team Bonding selama tiga (3) hari dua (2) malam yang melibatkan penyertaan seramai 44 orang kakitangan PPAT. Program yang dilaksanakan dengan kerjasama TQHM Consultancy Sdn. Bhd. ini bertujuan memperkukuh semangat kerjasama berpasukan, meningkatkan komunikasi berkesan serta memupuk nilai ukhuwwah Islamiyyah dalam kalangan warga kerja PPAT.

Berteraskan nilai-nilai Islam, kursus ini menggabungkan elemen pembangunan spiritual, latihan fizikal dan pembentukan sahsiah secara menyeluruh bagi melahirkan kakitangan yang berintegriti, berdaya saing dan memiliki semangat kerja berpasukan yang tinggi.

Sepanjang program berlangsung, para peserta telah mengikuti pelbagai modul pembangunan diri antaranya Jambatan Ukhuwah, Rukun Ukhuwah, Apabila Cinta Ku Berputik, Spiritual Therapy Training, Mini War Game, Bicara Hati, Bisikan Nurani serta Kerjaya Ku Jambatan Syurga, selain beberapa modul tambahan yang memberi penekanan kepada pengukuhan jiwa, minda dan fizikal peserta.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya memberi impak positif kepada para peserta dalam memperkukuh hubungan silaturrahim, meningkatkan integriti serta menyemai semangat kebersamaan dalam melaksanakan tanggungjawab demi merealisasikan visi dan misi organisasi selaras dengan tuntutan nilai-nilai Islam dalam kehidupan dan kerjaya.



MAJLIS SUAI KENAL DAN LAFAZ IKRAR PERKHIDMATAN AWAM KAKITANGAN BAHARU PPAT



1 September 2025, Isnin - Majlis Suai Kenal bersama kakitangan baharu telah berlangsung dengan jayanya di Bilik Mesyuarat PPAT pada hari ini. Seramai sepuluh (10) orang kakitangan baharu dari pelbagai jawatan telah melafazkan Ikrar Perkhidmatan Awam, disaksikan oleh Puan Pengarah, Nuzulnisa Binti Barudin @ Kamarudin, bersama pegawai-pegawai kanan PPAT.

Dalam majlis tersebut, Puan Pengarah serta barisan pegawai kanan turut menyampaikan amanat dan peringatan penting berkenaan etika perkhidmatan awam serta kepentingan integriti dan profesionalisme dalam melaksanakan tanggungjawab seharian.

Tahniah dan selamat datang diucapkan kepada semua lantikan baharu yang kini secara rasmi menjadi sebahagian daripada warga perkhidmatan awam. Jabatan merakamkan setinggi-tinggi harapan agar kehadiran mereka dapat memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan, melancarkan proses kerja harian, serta menyumbang ke arah kecemerlangan PPAT secara keseluruhan.



PROGRAM MERDEKA BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG GUNTUNG LUAR 2025

Perpustakaan Desa Kg Guntung Luar, Setiu melalui Perpustakaan Awam Daerah Setiu, dengan kerjasama Pejabat Perpaduan Daerah Setiu dan Pejabat KEMAS Daerah Setiu, telah menganjurkan Program Merdeka Bersama Komuniti 2025 bertempat di Perpustakaan Desa Kg Guntung Luar. Program ini diadakan dengan objektif untuk menyemarakkan semangat patriotisme, menanam rasa cinta terhadap tanah air serta mengeratkan hubungan dalam kalangan komuniti setempat melalui aktiviti yang menyeronokkan dan berfaedah.

Sepanjang program berlangsung, pelbagai pengisian menarik telah disediakan bagi peserta, termasuk nyanyian lagu patriotik, pertandingan mewarna berpasangan, pertandingan gubahan tuala, pertandingan Musang Berjanggung, pertandingan pakaian beragam, serta sesi penyampaian hadiah dan cabutan bertuah. Aktiviti-aktiviti ini dirancang untuk memupuk kreativiti, kerjasama serta semangat kesukanan dalam suasana yang menyeronokkan dan interaktif.



Perpustakaan Awam Daerah Setiu merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, termasuk Pejabat Perpaduan Daerah Setiu, Pejabat Penerangan Daerah Setiu, KEMAS Setiu, Penghulu Mukim Guntung, pihak Perpustakaan Awam Daerah & Desa Setiu, serta semua urusetia dan peserta program. Sokongan dan kerjasama semua pihak telah memastikan Program Merdeka Bersama Komuniti 2025 dapat dijalankan dengan jayanya dan meriah, seterusnya memperkukuh semangat perpaduan serta kecintaan terhadap negara dalam kalangan komuniti setempat.



PELAN STRATEGIK

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

2026 - 2030

PERBINCANGAN PERANCANGAN PELAN STRATEGIK PPAT 2026 - 2030

8 September 2025, Bilik Mesyuarat Aras 4, PPAT – Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah mengadakan satu sesi perbincangan khas bagi merangka Pelan Strategik PPAT 2026–2030, yang melibatkan penyertaan semua Ketua Unit dan Ketua Bahagian. Sesi ini bertujuan untuk menggariskan hala tuju strategik organisasi bagi tempoh lima tahun akan datang, termasuk penilaian keupayaan semasa, penerokaan peluang baharu, serta penyediaan strategi yang berkesan untuk menghadapi cabaran dan transformasi dalam perkhidmatan perpustakaan awam.

Dalam sesi ini, pelbagai aspek penting dibincangkan secara terperinci, termasuk pembangunan perkhidmatan bersepadu, pengurusan sumber manusia, pengukuhan teknologi maklumat, serta pendekatan inovatif untuk meningkatkan literasi maklumat dan budaya membaca dalam kalangan masyarakat. Sesi ini juga menekankan kepentingan penetapan Indikator Prestasi Utama (KPI) yang sejajar dengan visi dan misi PPAT, bagi memastikan setiap inisiatif strategik dapat diukur dan dinilai keberkesanannya secara sistematik.

Hasil daripada perbincangan ini akan dijadikan penunjuk arah strategik PPAT dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab organisasi dengan lebih berkesan, efisien, dan berimpak tinggi. Pelan Strategik 2026–2030 dijangka menjadi panduan utama dalam memastikan PPAT terus relevan, progresif, dan memberi sumbangan yang signifikan terhadap pembangunan ilmu, literasi, dan budaya membaca di Negeri Terengganu.



Pertandingan Eksplorasi Merdeka



Perpustakaan Awam Daerah Hulu Terengganu

8 September 2025, Perpustakaan Awam Daerah Hulu Terengganu – Melalui sokongan Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Terengganu dan Pusat Internet Akses Rakyat (PINTAR) DUN Kuala Berang, telah dianjurkan Pertandingan Eksplorasi Merdeka 68 bagi memberikan pengalaman pembelajaran interaktif kepada pelajar sambil memupuk semangat patriotisme. Program ini berjaya menarik penyertaan seramai 50 orang pelajar yang dibahagikan kepada 10 kumpulan kecil untuk mengambil bahagian dalam lima stesen aktiviti yang dirancang khusus.

Setiap stesen menampilkan lima gerak kerja yang perlu dilalui oleh setiap kumpulan, termasuk aktiviti Tic Tac Toe, Mewarna Merdeka 68, Kuiz Logo dan Tema, Lengkapkan Slogan Malaysia Madani: Rakyat Disantuni, serta Susun Blok. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan memperkukuh kreativiti, kemahiran berfikir secara kritis, serta semangat kerjasama dalam kalangan pelajar sambil menanamkan nilai-nilai kemerdekaan dan cinta negara.

Majlis penyampaian hadiah dan perasmian penutup telah disempurnakan oleh Encik Wan Azali bin Wan Yusof, Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Sektor Pembangunan Murid, mewakili Pegawai Pendidikan Daerah Hulu Terengganu. Program ini berjaya merapatkan hubungan antara pihak perpustakaan, sekolah dan komuniti, selari dengan usaha Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) dalam memartabatkan pendidikan, literasi dan nilai-nilai patriotisme dalam kalangan generasi muda.





MESYUARAT GERAK KERJA BERSAMA PENYELIA PD PNM DAN PENGURUSAN PPAT

9 September 2025, Selasa – Telah berlangsung satu sesi perbincangan bersama antara Penyelia Perpustakaan Desa, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan pihak pengurusan Perbadanan Perpustakaan Perkhidmatan Awam Terengganu (PPAT).

Objektif utama pertemuan ini adalah untuk mencapai satu jalinan kerjasama yang dapat dilaksanakan bersama demi meningkatkan imej perpustakaan serta melancarkan urusan kerja di peringkat berkenaan.

Kesemua Penyelia Zon bagi negeri Terengganu telah hadir dan masing-masing telah melontarkan pandangan serta idea bernas bagi meningkatkan minat membaca dalam kalangan komuniti. Usaha ini amat bertepatan dalam memastikan Perpustakaan Desa terus kekal sebagai pilihan utama masyarakat untuk dikunjungi.

Diharapkan melalui perbincangan seperti ini, usaha murni yang digerakkan akan membuahkan hasil yang positif dalam menyemai dan menyebarkan budaya membaca di semua peringkat masyarakat.



Program Semarak Merdeka 2025

SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA

9 September 2025, Selasa – Perpustakaan Awam Daerah Besut telah mengambil inisiatif menganjurkan Program Semarak Merdeka 2025 sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia. Program ini telah melibatkan seramai 110 orang peserta yang terdiri daripada pelajar tiga (3) buah tadika iaitu Tadika Little Caliphs, Tadika Warisan Intelek, dan Tadika Tunas Alfa. Program berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang dengan pengisian aktiviti yang interaktif dan berfaedah.



Sepanjang program berlangsung, pelbagai aktiviti menarik telah dianjurkan bagi memeriahkan sambutan kemerdekaan, antaranya Pertandingan Mewarna Merdeka, Pertandingan Pakaian Beragam Kemerdekaan, Nyanyian Lagu Patriotik, serta pelbagai Sukaneka Merdeka termasuk permainan Tic Tac Toe, Kerusi Berirama, dan Lempar Gelung. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan bukan sahaja menghiburkan peserta, tetapi juga memupuk kreativiti, kerjasama dan semangat patriotik di kalangan pelajar.

Program ini dikendalikan sepenuhnya oleh kakitangan Perpustakaan Awam Daerah Besut dan diharapkan dapat memperkukuh rasa cinta kepada tanah air serta menanam nilai-nilai kemerdekaan dalam kalangan peserta sejak usia awal. Selain itu, program ini turut berperanan sebagai platform bagi mempererat hubungan antara komuniti setempat dan institusi pendidikan, selaras dengan usaha PPAT untuk memartabatkan literasi, ilmu pengetahuan, dan nilai-nilai murni dalam masyarakat.

PERTANDINGAN PAKAIAN BERAGAM HARI MALAYSIA PRASEKOLAH

18 September 2025, Khamis - Perbadanan Perpustakaan Awam telah menganjurkan Pertandingan Pakaian Beragam Hari Malaysia peringkat prasekolah sempena cuti sekolah. Pertandingan ini diadakan bagi menyemarakkan semangat cintakan negara serta menanam rasa bangga terhadap tanah air dalam kalangan murid sejak usia kecil. Aktiviti ini juga bertujuan memberi pendedahan kepada kanak-kanak tentang kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia yang hidup aman dan harmoni.

Seramai 18 peserta telah mengambil bahagian dengan berpakaian berwarna-warni dan menarik. Keunikan pakaian yang ditampilkan melambangkan perpaduan dan keharmonian rakyat Malaysia yang hidup dalam satu negara berdaulat.

Ibu bapa turut hadir memberikan sokongan moral kepada peserta. Semua penonton kelihatan begitu teruja melihat kreativiti anak-anak dalam memperagakan pakaian masing-masing.



Pemenang bagi pertandingan ini adalah :

1. Dafiya Annur binti Muhammad Nasrulhaq
2. Qhayla Sifabella binti Bendri
3. Fatimatuzzahra binti Hashim

Manakala, 5 orang peserta mendapat saguhati. Peserta lain yang tidak berjaya pula diberi penghargaan atas usaha yang diberikan dengan mendapat hadiah penyertaan.

Melalui program ini, kanak-kanak dapat mempelajari nilai perpaduan, semangat patriotisme, serta menghargai kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia. Aktiviti sebegini wajar diteruskan pada masa hadapan bagi memupuk semangat cintakan negara dalam kalangan generasi muda.



**FESTIVAL
SETIU
WETLANDS
2025**

Dirasmikan Oleh:
YAB DATO' SERI IR. DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR
MENTERI BESAR TERENGGANU

Tarikh : 18 SEPTEMBER 2025 - 20 SEPTEMBER 2025
Tempat : Boardwalk, Taman Negeri Setiu Wetlands

Danjerkan Oleh:                          

FESTIVAL RAKAN MUDA KDRI 2025

20 SEPTEMBER 2025 | 8.00 PAGI - 11.00 MALAM | IPG KAMPUS DATO' RAZALI ISMAIL, KUALA NERUS

BERSEKUTUWA WARNA BATIK | PODCAST | GREENGROW | ROBOTIK | SELOKA | PERKONGSIAN | DIKIR BARAT | TREASURE HUNT

DIKUASAKAN OLEH: [Logos of various organizations]

RAKAN NIAGA: [Logos of various organizations]



PAMERAN PERKHIDMATAN PPAT, U-PUSTAKA DAN PUSAT BAHASA TERENGGANU SEMPENA FESTIVAL RAKAN MUDA IPG KAMPUS DATO RAZALI ISMAIL TAHUN 2025

20 September 2025, Sabtu – Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah dijemput membuka reruai pameran sempena Festival Rakan Muda Tahun 2025 yang berlangsung di IPG Kampus Dato' Razali Ismail. Penyertaan ini bertujuan memperkenalkan pelbagai perkhidmatan perpustakaan kepada golongan belia khususnya ahli Kelab Rakan Muda serta para pelajar IPG.

Sepanjang program berlangsung, reruai PPAT telah mempromosikan kemudahan dan koleksi perpustakaan termasuk perkhidmatan bahan bacaan digital melalui u-Pustaka serta tawaran kelas dan kursus bahasa oleh Pusat Bahasa Terengganu. Turut diadakan aktiviti pendaftaran keahlian u-Pustaka, pameran perkhidmatan perpustakaan, diskaun istimewa sebanyak 40% bagi pembelian buku terbitan PPAT serta kuiz dan permainan interaktif kepada para pengunjung.

Pameran ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung yang terdiri daripada kakitangan dan pelajar IPG, jemputan belia Kelab Rakan Muda serta pelajar sekolah sekitar. PPAT merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak penganjur atas jemputan yang diberikan serta kepada semua pengunjung yang telah menyokong reruai pameran PPAT.

KUNJUNGAN HORMAT PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU KE MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU (MAIDAM)

Kunjungan ini telah disambut oleh YBhg. Dato' Profesor Madya Dr. Ahmad Azrin bin Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM bagi membincangkan potensi kerjasama dalam bidang pembangunan ilmu, pembudayaan membaca dan penyelidikan berasaskan nilai Islam serta warisan Melayu-Islam. Langkah ini seiring dengan aspirasi PPAT untuk terus memperluas capaian ilmu pengetahuan kepada masyarakat, khususnya dalam bidang keagamaan dan pembangunan komuniti.

Kunjungan ini turut membuka ruang bagi kedua-dua pihak untuk meneroka sinergi strategik dalam pelaksanaan program pembangunan modal insan, pendidikan sepanjang hayat, serta pengurusan sumber maklumat yang lebih inklusif.

Melalui jalinan kerjasama erat bersama MAIDAM, PPAT optimis dapat mengukuhkan ekosistem ilmu di negeri Terengganu, sekaligus menyokong agenda kerajaan negeri dalam melahirkan masyarakat yang berpengetahuan, berakhlak mulia dan berdaya saing.



LAWATAN KUNJUNGAN HORMAT PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU KE MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU (MAIDAM)

www.trgib.gov.my PPA Terengganu @PPATerengganu PPAT TV PPA Terengganu



LAWATAN KUNJUNGAN HORMAT PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU KE MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU (MAIDAM)

www.trgib.gov.my PPA Terengganu @PPATerengganu PPAT TV PPA Terengganu

22 September 2025, Isnin – Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah mengadakan kunjungan hormat ke Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) sebagai sebahagian daripada agenda memperkukuh jaringan strategik antara institusi negeri.



LAWATAN KUNJUNGAN HORMAT PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU KE MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU (MAIDAM)

www.trgib.gov.my PPA Terengganu @PPATerengganu PPAT TV PPA Terengganu



LAWATAN KUNJUNGAN HORMAT PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU KE MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU (MAIDAM)

www.trgib.gov.my PPA Terengganu @PPATerengganu PPAT TV PPA Terengganu



LAWATAN KUNJUNGAN HORMAT PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU KE MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU (MAIDAM)

www.trgib.gov.my PPA Terengganu @PPATerengganu PPAT TV PPA Terengganu



LAWATAN KUNJUNGAN HORMAT PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU KE MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU (MAIDAM)

www.trgib.gov.my PPA Terengganu @PPATerengganu PPAT TV PPA Terengganu



LAWATAN KUNJUNGAN HORMAT PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU KE MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU (MAIDAM)

www.trgib.gov.my PPA Terengganu @PPATerengganu PPAT TV PPA Terengganu

TAKLIMAT PENUBUHAN KOPERASI

22 September 2025, Isnin – Satu taklimat berkaitan penubuhan koperasi telah diadakan dan disampaikan oleh Encik Ruhaifi bin Namrun serta Puan Wan Raiha Azmi binti Wan Embong daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Terengganu. Taklimat ini memberi pendedahan mengenai prosedur dan langkah-langkah utama untuk menubuhkan sesebuah koperasi. Antara perkara yang disentuh termasuklah syarat-syarat penubuhan, proses pendaftaran, peranan jawatankuasa penaja, serta dokumen yang perlu disediakan.

Selain itu, taklimat juga menekankan tentang kepentingan dan manfaat koperasi, antaranya membantu meningkatkan kesejahteraan ekonomi ahli, memberi peluang perniagaan yang lebih teratur, mewujudkan semangat kerjasama dalam komuniti, serta berfungsi sebagai platform menjana pendapatan bersama.

Taklimat ini bukan sahaja menambahkan pengetahuan peserta tentang selok-belok penubuhan koperasi, malah turut membuka ruang kesedaran tentang potensi koperasi dalam memperkukuhkan ekonomi ahlinya.



TAKLIMAT PENUBUHAN KOPERASI OLEH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA, NEGERI TERENGGANU



TAKLIMAT PENUBUHAN KOPERASI OLEH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA, NEGERI TERENGGANU



TAKLIMAT PENUBUHAN KOPERASI OLEH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA, NEGERI TERENGGANU



TAKLIMAT PENUBUHAN KOPERASI OLEH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA, NEGERI TERENGGANU



TAKLIMAT PENUBUHAN KOPERASI OLEH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA, NEGERI TERENGGANU



TAKLIMAT PENUBUHAN KOPERASI OLEH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA, NEGERI TERENGGANU



TAKLIMAT PENUBUHAN KOPERASI OLEH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA, NEGERI TERENGGANU



TAKLIMAT PENUBUHAN KOPERASI OLEH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA, NEGERI TERENGGANU





TAKLIMAT PAHANG BOOK RUN 2025

24 September 2025, Rabu – Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah mengadakan satu taklimat khas kepada para peserta yang akan menyertai Pahang Book Run 2025 anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang. Acara ini dijadualkan berlangsung pada 5 Oktober 2025.

Seramai 25 orang peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan akan mengambil bahagian dalam larian santai sejauh 5KM ini.

Taklimat ini diadakan bagi memberikan penerangan awal serta maklumat penting berkaitan program, sekali gus membantu peserta membuat persediaan sebelum acara berlangsung.



sorotan

LATIHAN LITERASI MEDIA MAKLUMAT: PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN PPAT DAN U-PUSTAKA @ SMK LONG GAFAR

25 September 2025, Khamis - Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah mengadakan Latihan Literasi Media Maklumat: Perkhidmatan Perpustakaan PPAT dan u-Pustaka @ SMK Long Gafar dengan penyertaan seramai 40 orang peserta. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai kemudahan serta perkhidmatan perpustakaan, di samping meningkatkan tahap literasi maklumat dalam kalangan peserta.



PERTANDINGAN MERDEKA @LIBRARYKERTEH

27 September 2025, Sabtu - Perpustakaan Awam Pekan Kerteh telah menganjurkan Pertandingan Merdeka @LibraryKerteh bermula jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Program ini diadakan sebagai salah satu inisiatif perpustakaan untuk memeriahkan sambutan Hari Kemerdekaan, sambil menggalakkan penyertaan komuniti setempat dalam aktiviti yang kreatif, menyeronokkan dan berfaedah.

Sepanjang program berlangsung, pelbagai aktiviti menarik telah dianjurkan untuk peserta daripada semua lapisan umur, antaranya Pertandingan Mewarna Keluarga Merdeka, Pertandingan Busana Berhias Merdeka dan Pertandingan Basikal Berhias Merdeka. Aktiviti-aktiviti ini dirancang bagi memupuk kreativiti, semangat kerjasama keluarga serta kesedaran terhadap nilai-nilai kemerdekaan dalam suasana yang menyeronokkan dan interaktif.

Perpustakaan Awam Pekan Kerteh merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta yang telah hadir dan menyokong program ini, sekaligus menayakan usaha perpustakaan dalam memartabatkan budaya membaca, kreativiti dan penglibatan komuniti secara aktif. Program ini selari dengan visi PPAT untuk menjadikan perpustakaan sebagai pusat ilmu dan aktiviti komuniti yang inklusif serta relevan.

“Integriti bukan apa yang orang nampak pada kita, tetapi apa yang kita tetap pegang ketika tiada siapa sedang memerhati”





FENOMENA **BLOOD MOON** PADA MALAM 8 SEPTEMBER 2025

Pada malam 8 September 2025, orang ramai berpeluang menyaksikan fenomena astronomi jarang berlaku iaitu Total Lunar Eclipse 8 September 2025 atau lebih dikenali sebagai “Blood Moon”. Fenomena ini berlaku apabila Bumi berada di antara Matahari dan Bulan, menyebabkan bayang-bayang Bumi menutupi permukaan Bulan sepenuhnya. Semasa gerhana penuh, cahaya Matahari yang melalui atmosfera Bumi terbias dan hanya sinaran berwarna merah yang sampai ke Bulan, menjadikannya kelihatan kemerahan seperti warna darah.

Gerhana Bulan penuh ini boleh disaksikan dengan mata kasar tanpa sebarang peralatan khas, selagi langit cerah. Kejadian ini bukan sahaja memukau dari segi visual, malah memberi peluang kepada masyarakat untuk lebih memahami gerakan orbit Bumi dan Bulan, serta fenomena semula jadi yang berlaku secara konsisten mengikut peredaran alam.

Fenomena “Blood Moon” adalah salah satu kejadian astronomi yang jarang berlaku secara total, menjadikannya sebagai tarikan utama kepada penggemar sains, pelajar dan masyarakat umum. Melalui pemerhatian langsung, fenomena ini dapat dijadikan pengalaman pembelajaran yang informatif dan menyeronokkan, selaras dengan usaha memupuk minat terhadap sains, astronomi dan kesedaran tentang keajaiban alam semesta.

RINGKASAN GERHANA BULAN PENUH

- Berlaku ketika fasa bulan purnama.
- Matahari, Bumi dan Bulan berada pada kedudukan yang hampir sejajar.
- Warna dipermukaan bulan akan mengalami perubahan dari warna putih bersinar ke merah-merahan.
- Kesan umbra ini boleh dilihat dengan mata kasar.
- Solat Sunat Khusuf (Gerhana Bulan) disyariatkan untuk fenomena ini.



**AKTIVITI PENDIDIKAN
KHAS BERSAMA SMK
KUALA KRAI**

**JOM BELAJAR
MEWARNA BERSAMA
KAK ANIS**



**DIY KREATIF -
ADORABLE JELLYFISH
CRAFT**



**JOM BELAJAR
MELUKIS BERSAMA
ABANG ZUL**



FUN TIME - BUILD A CITY OF SHAPES



DEMONSTRASI MASAKAN KUNAFI DAN CHOCO JAR



AKTIVITI SK LEMBAH BIDONG : EDURACE 3M



JOM BELAJAR BAHASA INGERIS



JADUAL AKTIVITI BULAN SEPTEMBER 2025

BILIK AKTIVITI, PPAT 1 10.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI

06
SEPT 2025
SABTU
DIY KREATIF : ADORABLE
JELLYFISH CRAFT



13
SEPT 2025
SABTU
JOM BELAJAR MEWARNA
BERSAMA KAK ANIS

14
SEPT 2025
AHAD
JOM BELAJAR MELUKIS
BERSAMA ABANG ZUL

27
SEPT 2025
SABTU
FUN TIME : BUILD A CITY OF
SHAPES



TERBUKA KEPADA KANAK-KANAK
-Pra Sekolah (4-6 TAHUN)
-Tahap I (7-9 TAHUN)
-Tahap II (10-12 TAHUN)
Tertakluk kepada perubahan & pindaan

Untuk keterangan lanjut sila hubungi :
BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN & MAKLUMAT
(PUAN NUR AZIEMAH BINTI IBRAHIM)
Tel : 09-6221100 Fax : 09-622 1534
Emel : bpgmaklumat@gmail.com

“Jom adik-adik,
kita mulakan
keseronokan bersama!”





Kopi & KEMAMAN

Oleh
Siti Rasyidah binti Md Rushdi



Kemaman, Terengganu, semakin dikenali sebagai destinasi utama bagi penggemar kopi. Kemaman kini banyak mendapat julukan nama “Kemaman Darul Kopi” kerana banyak kiosk dan kafe kopi di sepanjang jalan ibarat cendawan yang tumbuh selepas hujan.

Budaya minum kopi di sini berkembang pesat dengan gabungan kedai kopi klasik dan konsep kafe moden yang santai. Kopi di sini bukan sekadar kopi pekat dan manis yang di hidangkan dalam cawan klasik.

Namun kopi juga menggabungkan elemen moden yang di variasikan dengan trend kopi seperti Latte, Cuppucino, Macchiato dan sebagainya. Bukan sekadar kedai kopi yang pelbagai, di Kemaman juga mempunyai simbolik program yang wajib di sertai oleh warga Kemaman dan warga sekitar. Iaitu Festival Kopi Kemaman yang diadakan di kawasan menarik Resorts World Kijal dan Taman Awam Rekreasi Kemasik. Festival ini menghimpunkan pelbagai jenis kopi dan cara penyediaan berbeza, menjadi antara tarikan pelancongan baharu di Terengganu. Ia juga mengambil konsep menghirup kopi santai berlatarkan pemandangan dan angin sepoi ditepi pantai. Kopi juga bukan sekadar minuman biasa yang di hirup dan di hidu aromanya yang menyegarkan badan. Namun kopi juga menghimpunkan 1001 kisah mengenai orang kampung, pekerjaan, kisah anak muda dan cerita mengenai kehidupan harian.

Jadi itulah yang unikny kopi dan Kemaman. Kopi bukan sekadar kopi dan Kemaman bukan sekadar daerah biasa. Tetapi menjadi tempat tarikan untuk duduk santai menghirup kopi yang segar aroma sambil mengimbuau dan membina kenangan bersama keluarga dan rakan-rakan. Apabila anda di Kemaman, jangan lupa cuba singgah di mana-mana kedai kopi klasik mahupun moden dan cuba menikmati setiap saat dan detik ketika menikmati kopi anda. Jangan lupa hargai momen ini bersama keluarga dan rakan-rakan anda. Mencipta memori terindah bersama kopi pilhan anda.

Bayangkan anda duduk santai di tepi pantai, angin laut menyapa lembut, dan di tangan pula secawan kopi panas yang mengeluarkan aroma memikat. Itulah pengalaman yang menanti anda di Kemaman, sebuah daerah yang bukan sahaja kaya dengan keindahan alam, tetapi juga semakin dikenali dengan budaya kopinya yang unik.



buletin salam

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU**

Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman

© 2025 Hak Cipta Terpelihara



<https://trglib.gov.my>